

SPEECH BY THE DEPUTY PRIME MINISTER AT
THE SECOND READING OF THE NATIONAL
LANGUAGE BILL AT THE DEWAN RAKYAT ON
11TH MARCH, 1963

Mr. Speaker,¹ Sir,

I beg to move that a Bill intituled "An Act to provide for the script of the national language and for the form of numerals of the national language and for purposes incidental thereto" be read a second time.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah terbitnya daripada satu usul Dewan ini iaitu pada 14 haribulan Disember, 1959 yang berbunyi seperti berikut:

Pertama, tulisan Bahasa Kebangsaan hendaklah tulisan Latin yang biasa dipanggil tulisan rumi yang dipakai bersama-sama dengan tulisan Melayu yang biasa dipanggil dengan tulisan jawi.

Kedua, supaya jenis angka Bahasa Kebangsaan ini hendaklah menurut angka antarabangsa yang biasa terpakai di seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada masa ini.

Ketiga, supaya Undang-undang digubal dikemukakan kepada Dewan ini dengan seberapa segeranya sebagai menghasilkan tujuan yang pertama dan yang kedua yang tersebut sebagaimana yang dikehendaki menurut Fasal 152 (1) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap dengan panjang lebar berkenaan dengan Rang Undang-undang ini, kerana ini sudah pun dibahaskan dengan sepenuh-penuhnya apabila usul di atas tadi telah dikemukakan dalam Dewan ini pada 14 haribulan Disember, 1959 tetapi ada dua tiga fasal yang berkenaan dengan Rang Undang-undang ini yang patut saya terangkan iaitu Fasal Dua dan Tiga. Dalam Fasal Dua dan Tiga ada disebutkan, sungguhpun di bawah undang-undang ini, tulisan rumi diakui sebagai tulisan

i Dato Haji Mohd. Noah bin Omar.

rasmi, tetapi ini tidak pula menghalang tulisan jawi itu untuk digunakan bagi urusan Kerajaan. Saya percaya ini adalah memenuhi maksud usul yang pertama Dewan ini yang berkehendakkan supaya tulisan-tulisan itu diakui sebagai tulisan Bahasa Kebangsaan dipakai bersama dengan tulisan jawi.

Bagi pihak Kerajaan, Kerajaan memang sentiasa hendak menggunakan tulisan rumi dengan tidak meninggalkan tulisan jawi. Tulisan rumi ialah sebagai tulisan international atau tulisan antara-bangsa dan bagi menggalakkan saudara-saudara kita daripada bangsa asing dalam negeri ini bagi mempelajari Bahasa Kebangsaan, maka patut sangatlah kita menggalakkan penggunaan tulisan rumi ini. Begitu juga dengan orang-orang bangsa asing iaitu negeri-negeri yang berjiran dengan kita seperti negeri Thailand, Australia, New Zealand dan negeri-negeri lain, harus akan mempelajari Bahasa Kebangsaan kita, jika kita menggunakan tulisan rumi, dan begitu juga tulisan rumi ini dipakai oleh negeri-negeri lain seperti Indonesia dan juga Filipina dan buku-buku yang ada sekarang ini dalam Bahasa Kebangsaan seperti dalam perkara-perkara science, technology, kesusasteraan yang digunakan dalam tulisan rumi. Maka inilah sebabnya Kerajaan berkehendakkan tulisan rumi itu digunakan.

Berkenaan dengan tulisan jawi, Kerajaan tidak menghalangnya, kerana Kerajaan sedar bahawa dalam negeri-negeri Tanah Melayu ini seperti negeri Pedis, Kedah, Johor, Kelantan, tulisan jawi digunakan dengan luasnya dalam undang-undang Kerajaan itu. Dengan sebab itu dimasukkan satu syarat dalam Fasal Dua ini bagi membolehkan tulisan jawi itu digunakan bersama dengan tulisan rumi.

Berkenaan dengan Fasal Tiga dalam Rang Undang-undang ini ada disebutkan di situ bahawa jenis angka Bahasa Kebangsaan yang dicadangkan ialah jenis angka Arab atau Arabic form of numerals. Ini ialah nama angka yang biasa dipakai dalam bahasa Inggeris dan bukanlah disebabkan Kerajaan hendak menggunakan angka Arab ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja perkara yang mustahak dalam Rang Undang-undang ini, dan saya suka mengesyorkan supaya Rang Undang-undang ini diterima oleh Dewan ini.